



International Research Journal of Shariah, Muamalat and Islam (IRJSMI)

Journal Website: <http://irjsmi.com/>
eISSN: 2682-8553



KREDIBILITI WAKAF DALAM MENANGANI ISU PEMBIAYAAN PENGAJIAN TINGGI

WAQF CREDIBILITY ON FINANCING HIGHER EDUCATION INSTITUTIONS

Dr Hjh Mas Nooraini Hj Mohiddin

¹ Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Sultan Sharif Ali,(UNISSA) Brunei Darussalam.
Email: masnooraini.mohiddin@unissa.edu.bn

Article Info:

Received date: 15.03.2020

Revised date: 26.03.2020

Accepted date: 26.04.2020

Published date: 10.06.2020

To cite this document:

Hj Mohiddin, M. N. (2020).
Kredibiliti Wakaf dalam Menangani
Isu Pembiayaan Pengajian Tinggi.
International Research of Shariah,
Muamalat and Islam, 2 (4), 09-21.

DOI: 10.35631/IRJSMI.24002.

Abstrak:

Permohonan pelajar bagi kemasukan pengajian peringkat pengajian Tinggi adalah semakin meningkat dari setahun ke setahun. Bertambahnya bilangan tersebut mengakibatkan kos pembiayaan juga turut sama meningkat bagi menyediakan keperluan fasiliti, tenaga sumber manusia dan sebagainya. Pelajar yang berpotensi tetapi kurang berkemampuan tidak akan berpeluang untuk mencapai impiannya di sebabkan kesempitan kos pembiayaan. Isu kekurangan pembiayaan untuk pendidikan tinggi bukanlah masalah baharu bahkan ia menjadi isu amat ketara masa kini. Negara Brunei Darussalam boleh dikatakan bernasib baik kerana Kerajaan masih menyediakan pendidikan percuma kepada rakyat tempatan yang memenuhi syarat-syarat tertentu. Walau bagaimana pun, sejak kebelakangan ini, mulai kedengaran keluhan dari ibu bapa mengenai kos pengajian yang semakin meningkat. Tidak mustahil kes yang sama berlaku di luar negara akan mula melanda Brunei jika tidak difikirkan dari sekarang cara alternatif untuk mengatasinya. Justeru, kajian ini di jalankan bagi mengenal pasti sejauh mana kredibiliti institut wakaf dalam menangani isu pembiayaan pengajian Tinggi serta cabaran yang di hadapi. Metodologi penyelidikan yang diguna pakai adalah secara kualitatif deskriptif dengan menggunakan analisis kandungan sebagai kaedah penganalisisan. Analisis dilakukan dengan meneliti maklumat data sekunder terutama penulisan, jurnal, kertas kerja dan artikel yang berkaitan. Sumbangan wakaf dalam mengatasi isu pembiayaan Pengajian Tinggi adalah amat signifikan dan patut di kembangkan dan diperluaskan bagi pembangunan pendidikan tinggi sebagai agen pembangunan ummah.

Kata Kunci:

Kredibiliti, Wakaf, Pendidikan Tinggi

Abstract:

Students' application for higher education admission is significantly increasing from time to time. As a result, it effects the increasing financial cost to provide the facilities, human resources, and others. A student with high potential but cannot afford to cover the expenses, has no opportunity for his further studies due to their financial problem. Financing problems for higher education institutions is not a new problem, in fact, it becomes a big issue nowadays. Brunei Darussalam is fortunate since the government still provides free education for locals who fulfill the requirements. However, currently, there are complaints from the parents on educational financing. The same situation will happen in Brunei if we do not find a solution that can solve the problem. This research will identify to what extent waqf credibility can solve the financial problems for higher education students. The research methodology will be used as a descriptive qualitative by analyzing the content by reviewing informative secondary data such as journals, paper works, and relevant articles. In order to solve the financial problems in a higher education institution, waqf contribution is very significant and should be expanded for higher education development as an ummah development agent.

Keywords:

Credibility, Waqf, Higher Education

Pendahuluan

Permohonan pelajar bagi kemasukan pengajian peringkat pengajian Tinggi adalah semakin meningkat dari setahun ke setahun. Bertambahnya bilangan tersebut mengakibatkan kos pembiayaan juga turut sama meningkat bagi menyediakan keperluan fasiliti, tenaga sumber manusia dan sebagainya. Pelajar yang berpotensi tetapi kurang berkemampuan tidak akan berpeluang untuk mencapai impiannya di sebabkan kesempitan kos pembiayaan. Isu kekurangan pembiayaan untuk pendidikan tinggi bukanlah masalah baharu bahkan ia menjadi isu amat ketara masa kini. Negara Brunei Darussalam boleh dikatakan bernasib baik kerana Kerajaan masih menyediakan pendidikan percuma kepada rakyat tempatan yang memenuhi syarat-syarat tertentu. Walau bagaimana pun, sejak kebelakangan ini, mulai kedengaran keluhan dari ibu bapa mengenai kos pengajian yang semakin meningkat. Tidak mustahil kes yang sama berlaku di luar negara akan mula melanda Brunei jika tidak difikirkan dari sekarang cara alternatif untuk mengatasinya. Kemungkinan akan berlaku nanti di mana subsidi kerajaan tidak dapat ditanggung, yang menyebabkan pembiayaan kerajaan semakin tertekan apabila hasil negara tidak mencukupi dan tidak dapat memenuhi keperluan asasi. Justeru, kajian ini di jalankan bagi mengenal pasti sejauh mana kredibiliti institut wakaf dalam menangani isu pembiayaan pengajian Tinggi serta cabaran yang di hadapi. Sumbangan wakaf dalam mengatasi isu pembiayaan Pengajian Tinggi adalah amat signifikan dan patut di kembangkan dan diperluaskan bagi pembangunan pendidikan tinggi sebagai agen pembangunan ummah.

Sorotan Karya

Kajian mengenai institusi pendidikan bersumberkan wakaf sudah lama di bincangkan, namun sejak kebelakangan ini kajian berkaitan telah menarik minat banyak pengkaji lebih-lebih lagi bila berlaku isu krisis kewangan secara global yang memberi kesan yang ketara. Kemampuan institusi wakaf dalam menangani isu pembiayaan pengajian tinggi bukanlah suatu perkara yang baru. Sejarah telah mencatatkan potensi wakaf bukan sahaja dalam bidang pendidikan bahkan dalam hampir semua bidang yang melibatkan pembangunan negara. Bertitik tolak dari isu

pembentukan untuk pendidikan tinggi yang sering dihadapi di tambah lagi dengan peruntukan Kerajaan bagi pendidikan semakin berkurangan, maka wakaf dilihat sebagai mekanisme yang mampu melonjakkan pembangunan institusi pengajian Tinggi. Dalam kajian yang telah dilakukan oleh Mokhtar (2014) menyatakan isu yang sering dihadapi oleh Institut Pengajian Tinggi (IPT) dalam usaha kelangsungan nya serta cadangan bagi memperkasa ekonomi dan kewangan IPT. Menurut Mohd Ali (2015) dalam penulisan beliau bertajuk *Wakaf Sebagai Alternatif Pembiayaan Pendidikan Tinggi* menyatakan isu kekurangan pembiayaan sama ada dari pihak pengurusan mahupun dari pelajar sendiri merupakan antara punca Institusi Pengajian Tinggi (IPT) mempelbagaikan sumber kewangan melalui wakaf.

Walau bagaimanapun, pelbagai cabaran dan halangan dalam melaksanakan wakaf pendidikan apatah lagi untuk melestarikan nya bagi Institusi Pengajian Tinggi seperti yang di nyatakan dalam kajian *Cabaran Dalam Melaksanakan Wakaf Pendidikan Bagi Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia* oleh Suziana & Romzie (2017). Kajian khusus mengenai IPT juga menyatakan potensi wakaf dalam meringankan bebanan dan halangan yang hampir sama dinyatakan dalam kebanyakan kajian yang telah di buat seperti kajian yang dibuat oleh Hasyeilla et al. (2014) iaitu *Universiti Islam Malaysia: Transformasi Pembangunan Institusi Wakaf Pendidikan*.

Metodologi

Metodologi penyelidikan yang diguna pakai adalah secara kualitatif deskriptif dengan menggunakan analisis kandungan sebagai kaedah penganalisisan. Analisis dilakukan dengan meneliti maklumat data sekunder terutama penulisan, jurnal, kertas kerja dan artikel yang berkaitan.

Institusi Pendidikan Ejen Pembangunan Ummah

Sejarah perkembangan institusi pendidikan wakaf berkait rapat dengan pembinaan masjid. Baginda Nabi Muhammad SAW mengasaskan pembinaan Masjid Quba dengan dana wakaf dan Masjid al-Nabawi di atas tanah wakaf dengan pelbagai fungsi termasuklah pusat penyebaran ilmu dan dakwah (Mohd Afandi & Mohd Takiyudin, 2008). Malah menurut Makdisi (1981) peranan ini telah dimainkan sejak zaman awal Islam lagi.

Institusi pendidikan wakaf bukanlah produk baru yang diperkenalkan. Malah menurut Mohd Akram et.al., (2008) jauh sebelum ini iaitu seawal abad ke 17, amalan wakaf telah melahirkan institusi-institusi pengajian yang tersohor sehingga mampu melahirkan ribuan ulama di seluruh dunia. Bahkan perkembangan terkini, banyak institusi-institusi pendidikan mula memilih wakaf sebagai prospek utama untuk mendapatkan dana dan tidak bergantung sepenuhnya kepada kerajaan dan menjadi model sebagai sebuah institusi yang mampu berdiri dengan sendirinya tanpa bantuan pihak kerajaan.

Wakaf dalam pendidikan sememangnya berpotensi dalam melahirkan institusi pendidikan Islam yang cemerlang dan turut lebih cenderung dalam melahirkan para cendekiawan-cendekiawan serta tokoh ilmuwan Islam yang terbilang. Malah, institusi seperti ini adalah sangat penting dalam membangunkan masyarakat Islam, terutamanya dalam penyediaan modal insan. Selain itu, ia juga berupaya menyediakan kemudahan kepada masyarakat dengan memperoleh manfaat daripada harta yang diwakafkan, serta turut membuka medan kepada umat Islam untuk melakukan amal kebaikan atau sedekah jariah (Nur Azira, 2015).

Institusi pendidikan wakaf ialah sebuah organisasi atau institusi yang ditubuhkan melalui sumbangan masyarakat Islam atau dibina atas tanah atau bangunan yang diwakafkan untuk tujuan pendidikan Islam. Matlamat utamanya ialah untuk mendapat keredaan Allah SWT, di samping melahirkan masyarakat Islam yang soleh, mukmin dan *muttaqin* (Ahmad Zaki, 2008, hlm.84-85). Bahkan, institusi pendidikan wakaf juga memainkan peranan yang besar dalam menyediakan perkhidmatan pendidikan secara percuma atau mengenakan kadar bayaran yang rendah kepada masyarakat khususnya bagi yang tidak berkemampuan tanpa mengira kaum, bangsa dan keturunan.

Pendidikan amat penting dalam pembangunan manusia. Masyarakat perlu di bekalkan dengan pendidikan agar dapat memajukan diri untuk menjadikan sebuah negara maju. Wakaf memainkan peranan penting dalam bidang pendidikan seperti mana yang tercatat di dalam sejarah. Kini terdapat banyak institusi pendidikan kerajaan dan swasta yang menyediakan peluang pendidikan. Namun, terdapat dalam kalangan pelajar yang tidak mempunyai peluang meneruskan pengajian kerana tidak mampu membayai kos pendidikan yang tinggi. Apa yang berlaku ialah bidang pendidikan dan pengajian tinggi dikomersialkan dan ini menyebabkan ramai dalam kalangan masyarakat tidak dapat meneruskan pengajian. Tambahan, peluang dan tempat di institusi pengajian tinggi kerajaan adalah terhad walaupun kadar kosnya lebih murah (Amaludin et al, 2017).

Keperluan pendidikan yang baik bukan sahaja mampu melahirkan modal insan yang berkualiti dari sudut pengetahuan dan kemahiran, malah ia menjurus kepada penerapan sahsiah dan nilai murni diri. Kualiti dan keupayaan modal insan sebegini mampu mendorong kepada peningkatan produktiviti dan pendapatan negara (Hashim. R, 1990).

Wakaf pendidikan merupakan salah satu instrumen jangka panjang yang dapat meningkatkan tahap pendidikan negara. Ia bukan sahaja dapat menuju ke arah negara maju, bahkan ia dapat menghasilkan golongan masyarakat yang berpengetahuan tinggi dalam aktiviti wakaf dan gemar menceburi aktiviti wakaf ini. Amalan ini dapat memberi manfaat kepada masyarakat untuk bersama dalam membantu meningkatkan tahap pendidikan dan tahap pembangunan negara. Bahkan, Institusi pendidikan wakaf memiliki peranan sebagai agen pembangunan masyarakat Islam. Sumbangannya bukan hanya menyediakan peluang kepada masyarakat untuk mempelajari Islam, malah ia merupakan institusi yang membuka ruang kepada umat Islam untuk melakukan amal kebaikan (Suziana & Romzie, 2017).

Kajian awal menunjukkan terdapat beberapa buah universiti hampir seluruh negara yang telah mewujudkan wakaf pendidikan di dalam sistem pengurusan universiti. Bahkan konsep yang sama ini telah dikembangkan oleh masyarakat Barat dan ia dikenali sebagai *endowment* di mana universiti seperti Oxford dan Cambridge di United Kingdom, Harvard dan Stanford di Amerika Syarikat telah menggunakan konsep tersebut (Aminah et.al., 2014; W.K et.al., 2018). Sebagai contoh Universiti Harvard di catatkan sebagai universiti yang paling kaya dengan aset *endowment* yang bernilai lebih dari USD\$30 billion (W.K et.al., 2018).

Terkini beberapa buah institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia kembali menghidupkan sunah berwakaf dengan memperkenalkan skim wakaf di institusi masing-masing. Perkembangan ini dilihat bermula pada akhir tahun 90an dan semakin rancak dilaksanakan pada masa kini. Antara lain disebabkan oleh faktor kepatuhan terhadap ajaran agama yang semakin meningkat dan keinginan yang kuat untuk beroleh ganjaran yang berkekalan dengan melibatkan diri dalam sumbangan kemasyarakatan (Hossien, 2010).

Beberapa buah IPT di Malaysia telah memperkenalkan konsep wakaf untuk membiayai keperluan universiti dan para pelajar. Pengenalan skim wakaf di IPT ini bertujuan untuk menerima aset, sumbangan wang tunai, saham, aset-aset kewangan daripada dalam dan luar negara sebahagiannya untuk membiayai pemberian biasiswa kepada golongan pelajar yang memerlukan (Mohd Ali, 2015).

Bagi mengatasi masalah tersebut pihak kerajaan mencadangkan supaya IPT mempelbagaikan sumber kewangan dengan mewujudkan Tabung Endowmen dan Wakaf (Muhyiddin Mohd. Yassin, 2015, 7 April). Justeru itu peranan wakaf sebagai alternatif pembiayaan pendidikan kepada pelajar di IPT amat signifikan untuk diperkembangkan dan diperluaskan bagi pembangunan pendidikan tinggi di Malaysia (Mohd Ali, 2015).

Setakat ini di Brunei belum wujud Institusi Pengajian Tinggi berasaskan wakaf , namun keperluan untuk mewujudkan semakin ketara melihat kepada pelbagai isu yang mulai timbul seperti peruntukan bagi Institusi Pengajian Tinggi semakin berkurangan dari setahun ke setahun, sedangkan untuk melahirkan Universiti yang berkualiti menuntut banyak peruntukan bagi aspek penyelidikan, pembangunan insan, pemuliharaan logistik bagi melahirkan suasana pembelajaran dan pengajaran yang kondusif lebih-lebih lagi persediaan bagi menghadapi anjakan paradigma revolusi industri 4.0. Ini kerana wakaf pendidikan mampu membantu memajukan sistem pendidikan sejak dahulu lagi dan banyak menyumbang ke arah kelangsungan dan kelestarian institusi pendidikan. Justeru, adalah tepat masanya untuk menubuhkan wakaf pendidikan kini melihat kepada tuntutan perubahan revolusi industri yang mendesak, serta kos pengajian dan pengurusan yang dijangka semakin meningkat.

Model Kejayaan Institusi Pendidikan Wakaf

Wakaf dan pendidikan adalah sinonim dalam Islam (W.K et. al., 2018). Sejarah telah mencatatkan bahawa wakaf telah menyediakan bantuan untuk pendidikan sejak zaman berzaman. Bermula dari kisah Nabi Muhammad saw mengasaskan pembinaan Masjid Quba dengan wakaf dan Masjid al-Nabawi di atas tanah wakaf dengan pelbagai fungsi termasuklah pusat penyebaran ilmu dan dakwah (Ishak, 2014). Seperti mana yang di nyatakan oleh Shalaby (1976) antara faktor yang menjadikan hubungan masjid dan pendidikan begitu erat kerana tumpuan pembelajaran berkisar tentang dasar dan hukum hakam agama. Implikasi dari perkembangan pendidikan yang begitu pesat dan masjid yang sedia ada tidak mampu menampung bilangan pelajar yang ramai, sebuah surau yang dikenali sebagai *al-Suffah* telah dijadikan pusat pendidikan (Abd Aziz et.al., 2006).

Menurut Shalaby (1976) lagi, Khalifah al-Maknum adalah individu pertama yang mempromosikan penubuhan badan wakaf dengan matlamat untuk menghasilkan dan mengumpulkan dana bagi membiayai institusi pendidikan Islam. Baitul al-Hikmah merupakan IPT pertama yang dibiayai oleh badan wakaf yang dipelopori oleh Khalifah al-Maknum di Bagdad.

Dari sudut pembangunan pendidikan, wakaf merupakan instrumen yang sangat besar peranannya dalam memberi sumbangan kepada pembinaan dan perkembangan institusi pendidikan dalam dunia Islam. Terdapat banyak Institusi Pengajian Tinggi luar negara yang telah melaksanakan wakaf pendidikan sejak dahulu lagi dan institusi tersebut telah berjaya membuktikan bahawa sesebuah institusi dapat membangun dan bertahan sehingga hari ini walaupun hanya bergantung kepada sumbangan wakaf.

Institusi terkenal seperti Universiti al-Azhar di Mesir, Madrasah Nizamiyah di Iraq, Madrasah al-Nuriyah di Damsyik dan banyak lagi tertegak atas dorongan wakaf umat Islam. Institusi pendidikan Islam ini terbukti mampu bertahan hingga ratusan tahun lamanya berkat sistem ekonomi berteraskan wakaf yang diamalkan (Mokhtar et. al., 2015).

Universiti al-Azhar, di Mesir adalah contoh kejayaan institusi wakaf yang wujud hingga ke hari ini. Ia di bina oleh Kerajaan Fatimiyah pada tahun 975 Masihi kemudian di bangun semula pada tahun 1960 oleh Kerajaan Mesir. Ia merupakan universiti tertua dan paling berjaya yang di wujudkan melalui sumbangan wakaf yang memartabatkan kepentingan sektor pendidikan sehingga melahirkan ramai ilmuwan tersohor (Anan, 2012). Pembangunan Universiti Al-Azhar pada awalnya telah dibiayai melalui dana wakaf dan sehingga kini ia masih lagi diasaskan dan ditadbir melalui sumber wakaf. Universiti ini juga hanya menuntut pelajar membayar yuran pengajian yang amat rendah dan tidak membebankan pelajar. Konsep wakaf pendidikan yang ditonjolkan lebih kepada kesamarataan dalam menuntut ilmu dan meringankan bebanan kewangan pelajar (Mohd Mizan & Wan Mohd Dhaiyudeen Helmy, 2015). Kos perbelanjaan bagi universiti ini di taja sepenuhnya dari hasil wakaf bagi tujuan memberikan pendidikan percuma kepada masyarakat yang datang dari seluruh dunia. Pada tahun 1986 sahaja, institusi wakaf saja memperuntukkan sebanyak EGP147, 324, 300¹ bagi kegunaan universiti itu termasuklah pembinaan bangunan yang mengandungi 55 fakulti dengan 6154 tenaga pengajar meliputi 849 profesor, 819 penolong profesor, 1517, pensyarah dan 1456 tutor (Kuran, 2001). Kenyataan ini di isytiharkan oleh Makdisi (1981) yang menyatakan bahawa dunia pendidikan Islam bergantung pada dana wakaf. Sebagai contoh di Pulau Sicily saja terdapat 300 sekolah menengah semasa pemerintahan Islam yang di bangun bersumberkan wakaf (Al-Hajji Al-Kurdi, 1416).

Republik Turki pula tidak perlu diperkenalkan lagi dalam arena wakaf. Sebagai negara yang mewarisi kegemilangan Empayar Uthmaniyyah, wakaf terus berkembang subur di bawah pimpinan gerakan Islam seperti Hizmet yang diasaskan sejak 1970an oleh Sarjana Islam terkemuka Turki iaitu Fethullah Gulen dan kumpulan sufi di sana (Zaini, 2012).

Turki juga telah menggunakan kaedah wakaf pendidikan di Institusi Pengajian Tinggi, salah satu universiti yang terkemuka yang menggunakan wakaf pendidikan ialah Fatih Sultan Mehmet Vakif University (FSMVU). Pada zaman pemerintahan Muhamad al-Fatih bin Murad, Sultan Muhammad II telah membuat perubahan dengan memastikan pusat-pusat pendidikan dibangunkan melalui sumber wakaf. Wakaf Fatih Sultan Mehmet telah ditubuhkan pada 1470 memainkan peranan yang penting dalam kehidupan dan budaya sepanjang sejarah Uthmaniyyah. Legasi ini diteruskan dengan penubuhan FSMVU pada tahun 2010 untuk meneruskan tradisi wakaf dengan menggabungkan pendidikan tradisional dengan pengetahuan kontemporari (Laman Sesawang FSMVU, 2016). Bahkan, terkini lebih dari 60 universiti di Turki berlandaskan wakaf (Muhammad, 2014).

Konsep wakaf bukan hanya di tujuhan untuk keagamaan sahaja bahkan bagi tujuan lain untuk memenuhi keperluan ummah seperti pendidikan yang tidak kurang pentingnya. Institusi wakaf merupakan sumber yang diguna pakai untuk memenuhi keperluan pendidikan bagi masyarakat Muslim di seluruh negara Islam. Bahkan kewangan wakaf juga digunakan bagi membiayai dana perpustakaan, buku, tenaga pengajar, membantu pelajar yang tidak mampu dan

¹ 16,588,614.53 USD

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

termasuklah juga membiayai kos perbelanjaan tenaga pengajar dalam membuat penyelidikan. Terdapat banyak institusi pendidikan yang bergantung sumbernya dari wakaf di hampir keseluruhan negara Islam. Pengajian yang di tawarkan bukan hanya tertumpu pada pengajian Islam bahkan menyeluruh bidang pengajian sains, perubatan, undang-undang dan ilmu kimia (Norsiah & Abd Manaf, 2009; Sa'ati, t.th).

Kredibiliti Wakaf

Potensi institusi wakaf dalam menyelesaikan masalah kewangan dan menjadi sumber pendapatan yang boleh meningkatkan ekonomi negara masih lagi menjadi isu persoalan dan perbincangan meskipun telah banyak dibuktikan kejayaannya. Disebabkan pengurusan wakaf yang tidak efisien dan efektif menimbulkan keraguan terhadap kemampuan institusi wakaf dalam menangani isu kewangan. Hasil daripada kajian yang di jalankan oleh Mokmin (2016) mendapati bahawa tahap kepercayaan orang ramai terhadap konsep pendidikan wakaf adalah rendah. Ini membuktikan bahawa masyarakat masih ragu-ragu dan tidak yakin terhadap potensi institusi wakaf dalam menangani isu pembiayaan pendidikan. Kemungkinan isu ini berlaku kerana wakaf hanya di lihat sebagai ibadah semata-mata serta aspek keagamaan sahaja sedangkan ilmu pendidikan kini bukan hanya menitikberatkan keagamaan malahan ilmu yang berlainan. Tambah memburukkan keadaan bilamana pengurusan wakaf tidak ditadbir dengan sewajarnya.

Kalau pada masa lampau zakat dikelola secara statik saja sudah dianggap memadai sama seperti pengelolaan wakaf. tetapi sekarang perkembangan dan kemajuan pembangunan dalam segala hal memerlukan wakaf dikelola secara lebih efektif untuk menambah nilai manfaat institusi ini. Masih terdapat dalam kalangan masyarakat Muslim yang pro dan kontra tentang pengelolaan wakaf secara produktif ini. Ada di antara umat Islam yang masih ragu jika wakaf dikelola secara produktif, mampu meningkatkan nilai manfaat institusi ini. Oleh karena itu, perubahan paradigma dan pandangan atau *mind set* umat Islam mutlak diperlukan bagi perubahan sosial dalam hal ini (Muslihin, 2014). Justeru, merubah mentaliti masyarakat yang masih melihat wakaf dalam skop tradisi dengan meningkatkan kesedaran berwakaf kepada bidang pendidikan tinggi adalah sangat penting (Mohd Ali, 2016). Dalam usaha untuk memberikan keyakinan dan kepercayaan terhadap kredibiliti institusi wakaf bukanlah suatu perkara yang mudah. Tanpa kerjasama dari semua pihak segala cabaran dan tantangan tidak akan dapat di atasi dalam usaha ke arah memperkasa wakaf pendidikan.

Cabaran Kredibiliti Institusi Wakaf

Sebagai sebuah institusi Pengajian Tinggi pasti menghadapi pelbagai isu yang perlu ditangani dari semasa ke semasa. Kadang kala isu yang dihadapi mampu mencabar kelangsungan kewujudannya dalam industri pendidikan tinggi. Antara isu yang paling mencabar ialah kemampuan IPT untuk terus berdikari dari sudut ekonomi dan kewangan. Kekuatan ekonomi dan kewangan amat penting kepada sesebuah IPT terutamanya yang ditubuhkan oleh pihak selain Kerajaan. Kesukaran mengukuhkan dana kewangan dan meningkatkan sumbar ekonomi pastinya memberi kesan kepada polisi dan operasi IPT. Justeru, IPT yang berdaya maju perlu mempunyai sumber ekonomi dan kewangan yang mapan demi pembangunan dan perkembangannya bersesuaian dengan keperluan memenuhi permintaan dari masyarakat (Mokhtar et.al., 2015).

Dalam usaha untuk meyakinkan kredibiliti wakaf bagi menangani isu pembiayaan pengajian tinggi banyak halangan dan cabaran yang dihadapi di antaranya isu kewangan, kefahaman masyarakat, pengurusan dan perundangan.

Pengurusan sumber kewangan merupakan salah satu cabaran bagi melaksanakan wakaf pendidikan di Malaysia. Kebanyakan institusi pendidikan wakaf tidak mempunyai dana khas untuk membiayai kos operasi institusi pendidikan mereka. Selain itu juga, Salah satu sebab utama sumber kewangan institusi pendidikan wakaf di Malaysia tidak mencukupi kerana Kerajaan telah membuat keputusan memberhentikan bantuan khususnya bantuan per kapita mulai 2002. Oleh itu, Institusi Pengajian Tinggi harus berusaha dengan lebih gigih lagi untuk mendapatkan dana bagi memastikan institusi dapat berdiri teguh tanpa mengharapkan bantuan daripada kerajaan (Ahmad Zaki et al., 2008).

Ini kerana aktiviti berwakaf masih dilihat dalam konteks yang sempit dan terhad kepada pembinaan masjid, surau dan tapak perkuburan sahaja (Zaini Ujang, 2010). Masyarakat masih kuat berpegang dengan pemikiran tradisional bahawa wakaf hanya khusus di tujuhan untuk bidang keagamaan sahaja (Jamil, 2007) dan lebih banyak yang menyumbang untuk kebajikan dan memakmurkan masjid. Kurangnya kesedaran terhadap fungsi sebenar wakaf juga turut menyumbang ke arah masalah ini lebih-lebih lagi pemahaman mengenai kepentingan wakaf pendidikan. Ini disebabkan wakaf hanyalah perkara sunat sahaja dan khusus bagi keagamaan dan bukanlah perkara wajib, di samping itu juga wakaf kurang popular jika dibandingkan dengan sedekah (Ahmad, 2008; Sayin et al., 2011, Jamil 2007).

Malah terdapat segelintir yang memandang skeptikal terhadap pelaksanaan skim wakaf oleh IPT sehingga enggan menyumbang kepada universiti. Sedangkan apabila diteliti wakaf pernah digunakan untuk membangun gedung perniagaan seperti Grand Bazar di Turki, *caravanserai* (pusat rehat dan rawat bagi para musafir), *hammam* (ruang mandi awam), *imaret* (dapur awam yang menyediakan makanan percuma) dan banyak lagi (Razali Othman, 2013, hlm. 67-69).

Sokongan Padu ke Arah Kredibiliti Institusi Wakaf

Hakikatnya konsep yang dimainkan oleh wakaf pendidikan adalah untuk membantu membangunkan sesbuah institusi pendidikan melalui sumbangan yang diperoleh, di mana wakaf yang diterima adalah untuk sesbuah institusi pendidikan menjalankan urus tadbir, membantu kos operasi, membangun modal insan dan meninggikan taraf pendidikan umat Islam (Raja Norashikin & Noradha, 2014). Bagi tujuan tersebut pengurusan secara profesional adalah sangat perlu kerana ia dapat meningkatkan kualiti institusi wakaf pendidikan dan meningkatkan kepercayaan orang ramai terhadap kredibiliti wakaf pendidikan. Kalau pada masa lampau wakaf dikelola secara statik saja sudah dianggap memadai, tetapi sekarang perkembangan dan kemajuan pembangunan dalam segala hal memerlukan wakaf dikelola secara lebih efektif untuk menambah nilai manfaat institusi ini (Muslihin, 2014).

Mujani et al. (2018) menegaskan empat faktor utama yang menentukan kejayaan pelaksanaan wakaf bagi pendidikan iaitu kesedaran masyarakat, situasi demografi seperti keramaian penduduk Islam, ekonomi orang Islam yang stabil dan urus tadbir yang professional dan efisien.

Pembangunan wakaf hendaklah di sokong oleh aliran wang tunai sama ada bagi mendapatkan keuntungan daripada aset perdagangan atau sumbangan wang tunai dari masyarakat. Dana aliran wang tunai ini amat penting bagi memastikan aset wakaf dapat bertahan dan dipelihara bagi kesinambungan sumbangannya yang signifikan dan untuk dapat dimanfaatkan oleh masyarakat kini dan akan datang (Mohammad. et.al, 2014).

Walaupun wakaf tunai menjadi isu kontroversi dalam kalangan pengkaji Islam mengenai keharusannya dalam Islam, namun wakaf wang tunai tetap berlarutan dan telah banyak di praktik. Contoh terdekat ialah semasa kerajaan ‘Uthman, wakaf wang tunai menjadi sumber utama kerajaan tersebut pada masa itu untuk mengembangkan Islam ke negara Eropah (Murat, 1998).

Bahkan, wakaf wang tunai jauh pentingnya dibandingkan dengan wakaf harta tanah kerana ia lebih produktif mengikut kajian yang telah banyak dilakukan dan di dapati lebih mendatangkan hasil dan sesuai dalam sistem kewangan Islam moden. Hakikatnya dalam wakaf wang tunai, jumlah dan nilai wakaf bukanlah menjadi keutamaan, malahan ia lebih bernilai untuk dilibatkan seluruh masyarakat dalam proses kelestarian wakaf tanpa memandang status kewangan seseorang untuk menyumbangkan wakaf hatta ia boleh dilakukan serendah satu sen (Chowdhury, 2011).

Banyak hasil kajian penulisan tentang wakaf telah mendapati bahawa kekurangan dana dan sumber kewangan merupakan masalah utama dalam pembangunan wakaf. Sumber modal amat penting dalam memastikan institusi wakaf terus utuh kerana objektif utama cara hidup Islam adalah memelihara kebaikan manusia di mana tidak lengkap dunia ini tanpa kesejahteraan ekonomi (Chapra, 1985). Manakala kesejahteraan ekonomi tidak akan tercapai tanpa adanya sistem kewangan yang stabil untuk dijadikan pasak. Ini bermakna jika institusi wakaf tidak mempunyai modal dan dana yang mencukupi, ia turut menjelaskan pembangunan ekonomi wakaf tersebut kerana kebijakan pekerja yang bernaung di bawahnya kurang dititikberatkan sebagai contoh bebanan kerja yang ditanggung pekerja tidak setimpal dengan upah yang diterimanya dan ini akan menjelaskan reputasi pekerja tersebut sama ada di mata umum atau mewujudkan konflik dalam individu itu sendiri (Kamal Amran et.al, 2014).

Wakaf tunai dari perspektif ekonomi Islam adalah satu konsep yang bebas dan tidak terikat dari cengkaman ekonomi dan politik (Muhammad Ridhwan et.al, 2014). Dari sudut pendidikan, wakaf tunai memperlihatkan satu mekanisme yang berkesan dalam membangunkan institusi pendidikan Islam. Ini telah dibuktikan dengan kejayaan sistem pendidikan di Negara Mesir. Menurut Danna, D.R (2007 diambil dari Muhammad Ridhwan et.al, 2014), Universiti al-Azhar telah dibina melalui konsep wakaf tunai dan dana wakafnya telah dilaburkan untuk membina gudang simpanan di Terusan Suez. Selain itu, kerajaan Mesir telah meminjam daripada dana wakaf Universiti Al-Azhar ini untuk tujuan perbelanjaan kerajaan. Ini membuktikan keberkesanan konsep wakaf tunai ini walaupun universiti tersebut bukan berteraskan keuntungan semata-mata.

Kepercayaan dan keyakinan masyarakat umum terhadap kemampuan institusi wakaf merupakan antara faktor utama penguahan institusi ini dalam menangani isu pembiayaan pengajian Tinggi. Ini tidak akan tercapai kecuali dengan mempamerkan model kejayaan hasil wakaf yang dapat di manfaatkan oleh semua sesuai dengan objektif wakaf tersebut. Banyak contoh kejayaan pendidikan yang bersumberkan wakaf adalah berhasil kerana keyakinan masyarakat dalam pengurusan wakaf, jika tidak bantuan dan sumbangan tidak akan di terima secara berterusan. Memandangkan sumber wakaf adalah berpaksikan sumbangan yang ikhlas dari orang ramai.

Dengan melahirkan satu model kejayaan institusi pengajian tinggi berdasarkan wakaf, akan menanamkan dan meningkatkan kepercayaan masyarakat terhadap kredibiliti wakaf dan seterusnya akan memotivasi untuk terus menyumbang bagi kepentingan umum. Melalui

kepercayaan terhadap kemampuan wakaf akan menyemarakkan lagi perkembangan institusi wakaf seperti yang telah berlaku di zaman kegemilangan wakaf di zaman pemerintahan khalifah Uthmaniyah. Di mana pada zaman tersebut roda kehidupan di bawah pemerintahannya semuanya menggunakan sistem wakaf demi kesejahteraan umatnya (Mohd Syukor *et.al.*, (2017) sepatimana yang di simpulkan oleh Razali (2005) adalah berikut :

'Seseorang dilahirkan dalam yang di wakafkan, tidur dalam buaian yang diwakafkan, membaca buku-buku yang diwakafkan, mengajar dalam sekolah yang di wakafkan, menerima gaji dari pentadbiran wakaf, dan akhirnya apabila mati kelak, urusan jenazahnya adalah atas pentadbiran wakaf dan ia dikuburkan dalam tanah perkuburan wakaf'.

Brunei meskipun negara Islam namun fahaman wakaf masih lagi terbatas menurut tradisional. Pendidikan berasaskan model wakaf adalah suatu perkara baru dan belum pernah di wujudkan setakat ini. Jika negara lain seperti Malaysia, Singapura dan Indonesia sudah jauh ke hadapan memikirkan bagaimana menjana dana wakaf institusi pendidikan dengan mengenal pasti pelaburan yang berpotensi yang menghasilkan keuntungan semaksimum mungkin, Brunei masih lagi tertumpu dan terbatas pada pembangunan dan pemeliharaan masjid. Negara yang dianggap kaya dan merupakan salah sebuah yang berpendapatan tinggi bergantung sepenuhnya kepada minyak dan gas turut berdepan kesukaran akibat kejatuhan harga minyak dunia kesan kebergantungan tinggi ekonomi negara itu terhadap sektor minyak dan gas. Ia sekali gus terdedah kepada sebarang ketidaktentuan seperti kemelesetan ekonomi yang dapat diperhatikan sejak beberapa tahun kebelakangan ini ekoran kejatuhan harga komoditi itu (Fadzil,2017). Dalam keadaan ini, wakaf pendidikan menjadi alternatif terbaik kepada model universiti berdikari atau mandiri yang tidak bergantung kepada Kerajaan yang tidak akan terkesan oleh kejatuhan ekonomi.

Isu krisis kewangan secara global dan kesannya terhadap perdagangan global, perkembangan ekonomi telah mempengaruhi hasil pendapatan negara dan memberi kesan terhadap kemampuan kerajaan untuk menyediakan sumber pendapatan tambahan bagi membiayai sektor sosial seperti kesihatan, pendidikan dan pembangunan masyarakat. Kejayaan bidang kesukarelawan seperti wakaf, sedekah, hibah dan wasiat dalam sejarah Islam bagi menyediakan sosial dan keperluan awam salah satu tanda kejayaan yang patut diikuti (Mohammad. *et.al.*, 2014).

Ini kerana aktiviti berwakaf masih dilihat dalam konteks yang sempit dan terhad kepada pembinaan masjid, surau dan tapak perkuburan sahaja (Zaini Ujang, 2010). Malah terdapat segelintir yang memandang skeptikal terhadap pelaksanaan skim wakaf oleh IPT sehingga enggan menyumbang kepada universiti. Sedangkan apabila diteliti wakaf pernah digunakan untuk membangun gedung perniagaan seperti Grand Bazar di Turki, *caravanserai* (pusat rehat dan rawat bagi para musafir), *hammam* (ruang mandi awam), *imaret* (dapur awam yang menyediakan makanan percuma) dan banyak lagi (Razali Othman, 2013, hlm. 67-69).

Untuk tujuan itu juga usaha-usaha mempromosikan skim wakaf universiti perlu diselarikan dengan menunjukkan bukti kegunaan dana untuk keperluan dan kemudahan para pelajar. Dengan cara ini persepsi negatif terhadap pengurusan wang kebajikan dan sumbangan orang ramai dapat diminimumkan. Selain itu pengurusan dana wakaf universiti perlu bersikap proaktif dengan menyatakan penghargaan dan tanda terima kasih kepada para pewakaf melalui pelbagai kaedah termasuklah melalui penggunaan media baharu yang meluas digunakan masa

kini. Ini kerana menurut Najibah Mustaffa & Mohd Zamri (2014), pembiayaan pendidikan menerusi instrumen wakaf mampu mengurangkan masalah keciciran pelajar dan ketinggalan anak Melayu yang tidak dapat meneruskan pengajian atas faktor kemiskinan.

Hasil kajian yang telah di jalankan oleh Mokhtar et.al (2015) mendapati urus tadbir yang berkesan dan pengurusan ekonomi yang inovatif merupakan antara faktor keupayaan IPT untuk terus hidup dan kekal berdaya saing. Di samping itu juga hasil utama kajian tersebut ialah sebuah model baharu ekonomi wakaf yang menyarankan kerjasama di antar IPT dengan pendukungnya pada semua tiga fasa pembangunan wakaf; pengumpulan dana wakaf, pengurusan projek wakaf dan pengagihan manfaat wakaf.

Rumusan

Sejarah telah membuktikan bahawa institusi wakaf telah banyak menyumbang ke arah pembangunan, ketahanan dan kejayaan masyarakat Islam. Justeru, kemampuan institusi wakaf dalam menangani isu pembiayaan pengajian tinggi perlu di ambil perhatian serius tambahan lagi dengan situasi sekarang di mana keadaan ekonomi yang belum pulih sepenuhnya setelah dunia mengalami kemelesetan ekonomi yang memberi kesan hampir seluruh negara di dunia. Meningkatkan kepercayaan masyarakat terhadap kredibiliti wakaf dalam menangani isu pembiayaan pengajian tinggi mampu melestarikan ketahanan institusi pendidikan dalam memberikan pendidikan yang terbaik di samping mencapai matlamat mengeluarkan produk yang berkualiti, berpotensi, kreatif dan inovatif. Melalui keyakinan tentang kebolehan potensi wakaf akan menyemarakkan lagi sumbangan dan dana ke arah wakaf pendidikan.

Bibliografi

- Ab. Aziz, Mohd Zin et.al. (2006). *Tamadun Islam dan Tamadun Melayu*. Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Malaya.
- Ahmad Zaki, Hj Abd Latiff (2008). *Wakaf Pengurusan dan Sumbangannya Terhadap Pendidikan Islam di Malaysia*. Shah Alam, Pusat Penerbitan Universiti UiTM.
- Ahmad, A. (2008). Pelaksanaan Skim Wakaf Tunai Oleh Yayasan Waqaf Malaysia. *Jurnal Pengurusan Jawhar*, 2(2), 87–98.
- Al-Hajj Al-Kurdi, Ahmad. (1416H). *Ahkam Al-Awqaffi al-Fiqh al-Islami*. Kuwait.
- Aminah Md Yusof, Ismail Omar dan Julaida Johan. (2014). Endowment and Waqf in Higher Education. *Questions Aspect of Land Management and Development*. Johor: Muafakat Jaya Percetakan Sdn.Bhd. Hlm 199.
- Chowdhury, Md Shahedur Rahman., Mohd Fahmi, Ghazali & Mohd Faisol, Ibrahim. (2011). Economics of Cash Waqf Management in Malaysia: A proposed Cash Waqf Model for Practitioner and Future Researchers. *African Journal of Business Management*. Vol 5(30). hlm 12155-12163.
- Ishak, Abdullah. (2104). *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hossein, Ismaeili. (2010). *The Relationship Between The Waqf Institution In Islamic Law And The Rule Of Law In The Middle East*. <http://waqfacademy.org/>. Akses pada 17 Februari 2020.
- Jamil (2007) Wakaf Produktif Dalam Perspektif Masyarakat Kota Metro. *Jurnal TAPIS*. Vol 7 (1), hlm 15-33.
- Kamal Amran, Kamarudin., Zurina, Shafii., Azzerol Effendi, Abdul Kadir & Muhammad, Haji Alia. (2014). Konsep dan Pembangunan Wakaf di Negeri Sembilan Daripada Perspektif Majlis Agama Islam Negeri Sembilan. Dalam *Waqf Financing for Higher Education: Issues, Challenges and The Way Forward*. Edt. Muhammad Ridhwan, Ab Aziz., Hj

- Mohammad, Haji Alias., Fuadah, Johari., Asma, Abd Rahman & Zurina, Shafii. Bandar Baru Nilai, USIM Publisher. Hlm 55-76.
- Kamus Dewan. (2007). Ed. 4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kuran, T. (2001). The provision of public goods under Islamic law: origins, impact, and limitations of the waqf system. *Law society review*, 35(4), 841–897. [Http://www.jstor.org/stable/3185418](http://www.jstor.org/stable/3185418).
- Makdisi, G. (1981). *The Rise of Colleges*. Edinburgh, Edinburgh University Press.
- Mokhtar, Hj Ismail., Mohd Isa, Mohd Deni, Muna, Sulaiman & Hairullfazli, Muhammad Som. (2015). *Melestari Ekonomi Institusi Pengajian Tinggi Islam Melalui Wakaf*. Bangi, Pusat Pembangunan Penyelidikan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Mokmin, Basri. (2016). Peranan Ummah Dalam Mendepani Cabaran Pendidikan Tinggi Melalui Wakaf: Pengalaman KUIS. *Seminar Antarabangsa Masjid, Zakat & Wakaf (IMAF 2016)*. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Mohammad, Haji Alias., Fuadah, Johari & Asma, Abdul Rahman. (2014). Waqf Financing for Islamic Higher Education: USIM's Perspectives. Dalam *Waqf Financing for Higher Education: Issues, Challenges and The Way Forward*. Edt. Muhammad Ridhwan, Ab Aziz., Hj Mohammad, Haji Alias., Fuadah, Johari., Asma, Abd Rahman & Zurina, Shafii. Bandar Baru Nilai, USIM Publisher. Hlm 27-42.
- Mohamad Akram, Laldin., Mek Wok, Mahmud., Mohd Fuad, Sawari.(2008). Maqasid Syariah Dlm Pelaksanaan Waqaf. Jurnal Pengurusan Jawhar, 2(2), 1–24.
- Mohd Afandi, Mat Rani & Mohd Takiyuddin, Ibrahim (2008). Waqaf Pendidikan : Pengalaman di Pondok Modern Darussalam Gontor Pnonrogo Indonesia. Dlm B. Sayin (Ed.), Isu-Isu Semasa Mengenai Waqaf (pp. 203–220). Selangor: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA).
- Mohd Ali, Muhammad Don. (2016). Peranan Wakaf Untuk Pembangunan Pendidikan Tinggi: Sejarah Silam dan Pelaksanaan Di Malaysia. *e-Proceeding of the 3 International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization*. Kuala Lumpur.
- Mohd Ali, Muhamad Don . (2015) Wakaf Sebagai Alternatif Pembiayaan Pendidikan Tinggi. *International Conference on Malay Heritage and Civilisation*. https://www.researchgate.net/publication/288516080_WAKAF_SEBAGAI_ALTER_NATIF_PEMBIAYAAN_PENDIDIKAN_TINGGI. Akses pada 12 Februari 2020.
- Mohd Mizan, Mohammad Aslam & Wan Mohd Dhaiyudeen Helmy, Wan Mohar. (2015). Kelestarian Program Akademik Dan Kewangan Dalam Pengajian Tinggi Islam. *Journal Of Asian Islamic Higher Institutions (JAIHI)*. Vol 1 (1): 1-6.
- Mohd Syukor, Mohd Taib., Wan Kamal, Mujani., Noor Inayah, Yaakub. & Mohamad Khairul, Izwan Rifin. (2017). Wakaf Pendidikan Di Malaysia: Suatu Pengenalan. *Proceedings of the International Conference on Islam, Development and Social Harmony in Southeast Asia*. UKM, Bangi & Princess of Naradhiwasu University, Thailand. Hlm 389-395.
- Muhammad, Ali Hashim. (2014). Aplikasi Wakaf Korporat dalam Pembiayaan Pembangunan Institusi Pengajian Tinggi Islam. Dalam *Waqf Financing for Higher Education: Issues, Challenges and The Way Forward*. Edt. Muhammad Ridhwan, Ab Aziz., Hj Mohammad, Haji Alias., Fuadah, Johari., Asma, Abd Rahman & Zurina, Shafii. Bandar Baru Nilai, USIM Publisher. Hlm 15-26.
- Muhammad Ridhwan, Ab Aziz., Hisham, Sabri & Fuadah, Johari. (2014). Tinjauan Awal Terhadap Kesediaan Masyarakat Islam Menyumbang Kepada Institusi Bank Wakaf Islam Untuk Pembiayaan Pendidikan. Dalam *Waqf Financing for Higher Education: Issues, Challenges and The Way Forward*. Edt. Muhammad Ridhwan, Ab Aziz., Hj

- Mohammad, Haji Alias., Fuadah, Johari., Asma, Abd Rahman & Zurina, Shafii. Bandar Baru Nilai, USIM Publisher. Hlm 73- 86.
- Murat, Cizakca. (1998). Awqaf in History and Its Implications For Modern Islamic Economies. *Islamic Economic Studies*. Vol 6 (1). Jeddah, IRTI &IDB.
- Najibah Mustaffa & Mohd Zamro bin Muda, (2014), Pengurusan Wakaf di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia: Satu Sorotan Literatur, UMRAN International Journal of Islamic and Civilization Studies.
- Norsiah, Sulaiman., & Abd Manaf, F. (2009). Peranan Harta Wakaf dalam Bidang Pembangunan Dan Pendidikan Ummah: Fokus Dlm Bidang Perubatan. *Jurnal Pengurusan Jawhar*, 3(1), 1–30.
- Nur Azira, Latif. (2015). Pelaksanaan Wakaf Sebagai Modal Pendidikan di Malaysia. https://www.academia.edu/34390338/PERLAKSANAAN_WAKAF_SEBAGAI_MODAL_PENDIDIKAN_DI_MALAYSIA.pdf?swp=rr-rw-wc-36350858. Akses pada 26 April 2020.
- Raja Nor Ashikin, Raja Ramli & Nor Adha, Abd Hamid. (2014). Kelestarian Wakaf Dalam Membangunkan Institusi Pendidikan: Kajian Awal. International Conference on Postgraduate Research 2014 (ICPR 2014). <http://conference.kuis.edu.my/icpr/2014/eproceedings/48.Raja%20Nor%20Ashikin%20binti%20Raja%20Ramli.pdf>. Akses pada 2 Januari 2020.
- Razali, Othman. (2005). The Influences of Colonisation on the Perception and Practices of Wakaf. *Jurnal IKIM*. Kuala Lumpur, IKIM.
- Rusnadewi, Abdul Rashid., Rohayati, Hussin. (2014). Meneroka Dimensi Wakaf Institusi Pendidikan Tinggi di Malaysia. *Jurnal Pengurusan JWZH*. https://www.academia.edu/14995647/MENEROKA_DIMENSI_WAKAF_INSTITUSI_PENDIDIKAN_TINGGI_DI_MALAYSIA_-_2014?auto=download. Akses pada 17 Februari 2020.
- Sa'ati, Y. M. (t.th.). *Kitab al-Waqf wa Bunyatu*. Al-Maktabah al-Arabiyah.
- Sayin, Baharuddin., and Abd Manan, Siti Khadijah. and Ali, Asmak. and Suyurno, S. S. (2011). Kefahaman Warga UITM di Selangor, Perak dan Negeri Sembilan Terhadap Konsep Waqaf. In B. Sayin (Ed.), *Isu-Isu Semasa Mengenai Waqaf* (pp. 1–26). , Selangor: Pusat penerbitan Universiti (UPEINA)UITM.
- Shalaby, Ahmad. (1976). Sejarah Pendidikan Islam. Singapura, Pustaka nasional Singapura.
- W.K, Mujani., M.S, Mohd Taib., M.K.I, Rifin & K.,Aboo Talib Khalid. (2018). The History of The Development of Higher Education Waqf in Malaysia. *International Journal of Civil Engineering and Technology*. Vol 9(3). Hlm 542-557.
- Zaini, Hassan.(2012). Yayasan Iqra Pelajari Sistem Wakaf Hizmet. *Utusan Malaysia*. http://ww1.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20120706/dn_02/Yayasan-Iqra'-pelajari-sistem--wakaf-Hizmet. Akses pada 17 Februari 2020.
- Zaini Ujang, (2013), Kerangka Kewangan Pengajian Tinggi di Malaysia, Skudai, Penerbit UTM.